

UCAPTAMA KETUA DEWAN MUSLIMAT PAS PUSAT

Muktamar Tahunan PAS ke - 52

2012

MUSLIMAT PRIHATIN KEBAJIKAN TERLAKSANA

MUKADDIMAH

Firman Allah s.w.t:

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَئِنْ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ
بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ وَآتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي
الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ
الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَالْمُوفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ
وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Maksudnya:

Bukanlah suatu kebajikan itu kamu menghadapkan muka ke Timur dan Barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, segala malaikat, segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermakan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang miskin, orang yang musafir, orang yang meminta-minta, orang yang memerdekakan hamba abdi; orang mendirikan sembahyang, serta mengeluarkan zakat, dan perbuatan orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka berjanji orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan kesakitan, dan dalam peperangan. Mereka itulah orang yang benar; dan mereka itulah juga orang yang bertakwa. Al-Baqarah : 177

1. Yang Dihormati Pengerusi Tetap, Ahli-ahli Jawatankuasa Dewan Muslimat PAS Pusat, Ketua-ketua Dewan Muslimat PAS Negeri dan Wilayah Persekutuan, Ahli Jawatankuasa Lajnah-lajnah Dewan Muslimat PAS Pusat dan Negeri, Pimpinan wanita DHPP, pimpinan dan rakan-rakan dari Pakatan Rakyat, NGO, seluruh para perwakilan dan pemerhati, muslimin dan muslimat yang dikasihi sekalian.

2. Saya ucapkan *ahlan wa sahlam wa marhaban bi kum*, selamat datang dan selamat bermuktamar, kepada semua perwakilan dan tetamu yang memeriahkan Muktamar Tahunan Dewan Muslimat Parti Islam Se-Malaysia (PAS) kali ke 52 pada tahun ini. Marilah kita memohon kepada Allah SWT akan keberkatan dan fadhilat, serta pahala yang berlipat ganda kerana keyakinan terhadap dasar dan matlamat perjuangan kita.

Para Muslimat dan hadirin yang dikasihi sekalian,

RUH HIJRAH DAN KEWAJIPAN MENEGAKKAN ISLAM

3. Muktamar Dewan Muslimat PAS Pusat tahun ini berlangsung di ambang tahun baru hijrah 1413H. Peristiwa yang sangat bersejarah ini perlu diambil ruh dan ibrah oleh semua ahli muslimat. Hijrah merupakan satu perencanaan agung lagi bijaksana yang diatur oleh Allah ke atas Nabi Muhammad SAW. Gambaran kebijaksanaan siasah Baginda SAW dapat dilihat melalui dua perjanjian yang telah dimeterai terlebih dahulu dengan penduduk Madinah yang telah memeluk Islam sebelum Baginda SAW berhijrah.

4. Dalam Perjanjian Aqabah yang kedua, terdapat beberapa orang wanita telah memberi bai'ah lisan kepada Nabi Muhammad SAW tanpa berjabat salam. Di antara butiran bai'ah para wanita tersebut dengan Nabi Muhammad SAW ialah mereka berjanji tidak akan menyekutukan Allah, tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anak, tidak berdusta dan tidak menderhaka dalam perkara kebaikan. Allah telah mengabadikan peristiwa ini dalam ayat ke-12 surah al-Mumtahanah yang bermaksud,

Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk berjanji setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatupun, dan mereka tidak mencuri, tidak berzina, tidak membunuh anak-anaknya, dan tidak melakukan perkara dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka, dan mereka tidak menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara baik, maka terimalah janji setia mereka dan pohonkanlah keampunan Allah untuk mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

5. Wanita pada zaman sebelum dan selepas Hijrah mempunyai tanggungjawab yang sama seperti lelaki. Pengiktirafan Allah dan Rasul-Nya dalam Al-Quran dan Sunnah menunjukkan bahawa peranan golongan wanita tidak boleh dipandang ringan dalam usaha menegakkan Islam di muka bumi ini. Allah berfirman dalam ayat 195 Surah Ali Imran,

Maka Tuhan mereka perkenankan doa mereka (firman-Nya): Sesungguhnya Aku tidak akan sia-siakan amal orang yang beramal di kalanganmu, sama ada lelaki atau perempuan, (kerana) setengah kamu (keturunan) dari setengahnya yang lain; maka orang yang berhijrah dan diusir keluar dari tempat tinggalnya, dan yang disakiti pada

jalan Agama-Ku, yang berperang dan yang terbunuh, sesungguhnya Aku hapuskan daripada mereka kesalahan-kesalahan mereka, dan bahawa Aku akan masukkan mereka ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, sebagai pahala di sisi Allah. Dan di sisi Allah jualah pahala yang sebaik-baiknya (bagi mereka yang beramal salih).

6. Kita yang berjuang menegakkan Islam pada abad 21 tidak ditimpa ujian sebagaimana mereka yang terdahulu. Sebagaimana yang dinyatakan dalam ayat di atas, para Sahabat radhiyallahu ‘anhum yang berhijrah telah diusir keluar daripada Mekah; ada yang diseksa; mereka terlibat dalam peperangan sehingga ada yang gugur syahid.

7. Hijrah memberi isyarat yang jelas kepada umat Islam sepanjang zaman bahawa Islam perlu ditegakkan sebagai satu sistem yang merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Kepimpinan Rasulullah SAW sebagai pemimpin ummah yang terdiri dari kalangan umat Islam dan bukan Islam di Madinah menjadi lambang sebuah pemerintahan Islam yang adil. Adalah menjadi kewajiban kita pada hari ini mengembalikan sunnah yang wajib ini di mana sahaja kita berada dan pada bila-bila masa sahaja kita hidup.

8. Memahami realiti amal Islami di Malaysia, PAS mengambil kaedah *muwajahah silmiyyah* dengan terlibat dalam pilihanraya. Inilah wasilah yang penuh hikmah yang merangkumi tarbiyyah, dakwah dan siyasiyyah. Menyertai pilihanraya dan bekerja untuk memenangnya adalah sebuah pilihan kita sejak 50 tahun lepas hasil ijma’ dan qiyas para ulama dan kepimpinan PAS sehingga kini. Kita bertanggungjawab untuk meneruskan perjuangan suci dan memastikan Islam termasuk segala hukum syariatnya dapat ditegak dan didaulatkan di atas tanah air kita. Justeru itu, pilihanraya adalah sebahagian dari gerak kerja ibadah yang membuka peluang setiap petugasnya meraih pahala daripada Allah Taala asal sahaja ia ikhlas dan menurut syarat dan rukunnya berlandaskan syariah di dalam setiap gerak tindaknya.

9. Abu Musa al-Asya'ri radhiyallahu anhu meriwayatkan bahawa seorang lelaki badwi mendatangi Nabi Muhammad S.A.W lantas bertanya (bermaksud),

"Wahai Rasulullah S.A.W, seseorang berjuang supaya memperolehi harta ghanimah, ada yang berjuang supaya namanya disebut-sebut, ada yang berjuang supaya dilihat kedudukannya, maka siapakah yang benar (ikhlas) berjuang di jalan Allah (fi sabilillah). Maka Nabi S.A.W menjawab, "Barangsiapa yang berjuang untuk meninggikan kalimah Allah Taala maka dialah pejuang di jalan Allah."

Justeru, selaku mata rantai perjuangan, kita dituntut supaya sentiasa mengikhlaskan niat kita. Setiap orang yang mengaku dirinya sebagai pejuang Islam juga hendaklah perlu sentiasa melengkapi diri dengan ilmu dan dalam masa yang sama, sentiasa berusaha mengislahkan diri dan masyarakat sekeliling.

Akhawat yang dirahmati Allah,

IKTIBAR DARI SEJARAH KEMENANGAN UMAT ISLAM DI TIMUR TENGAH

10. Pejuang wanita dalam gerakan Islam Ikhwanul Muslimin, Zainab Al-Ghazali pernah menyebut bahawa kebangkitan baru akan muncul selepas kejatuhan Khalifah Uthmaniah di Turki pada tahun 1924. Ikhwanul Muslimin bangkit selepas kejatuhan itu dan semangat perjuangannya tersebar sehingga ke rantau Asia. Kebangkitan itu disemarakkan oleh seorang wanita dan disambut oleh masyarakat telah terbukti di Mesir dan diyakini akan menular ke seluruh dunia khususnya negara yang mempunyai pemerintah diktator.

11. Bermula dengan kebangkitan rakyat di Tunisia dan kemudiannya di Libya dan Mesir, dunia telah melihat satu penghijrahan besar-besaran yang dilakukan oleh umat Islam di Timur Tengah. Penghijrahan daripada pemerintah diktator yang zalim kepada pemerintahan yang memenuhi kehendak rakyat. Walaupun pemerintahan yang zalim telah digulingkan, namun masih banyak kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh gerakan Islam untuk memastikan Islam dan nilai-nilainya akan tertegak dalam sistem pemerintahan negara.

12. Pada 25 Januari 2011, Dr Muhammad Morsi mewakili Parti Kebebasan dan Keadilan yang dikelolakan oleh Ikhwanul Muslimin telah diisytiharkan menang dalam pilihanraya di Mesir dan menumbangkan rejim Husni Mubarak. Kita tidak mahu ketinggalan merakamkan ucapan tahniah. Kepada Ikhwanul Muslimin, kepada Dr Morsi dan isterinya Najla dan kepada yang memainkan peranan paling besar sekali atas kemenangan hari ini – Rakyat Mesir. Dengan rasa rendah diri kita bersyukur kepada Allah SWT yang menggerakkan semua ini.

13. Sewajarnya anggota gerakan Islam dan para penyokongnya dari kalangan Islam dan bukan Islam mestilah menyahut signal kebangkitan baru “*rahmatan lil alamin*” rahmat ke seluruh alam yang disebutkan oleh Zainab Al Ghazali yang kini nyata di Mesir dan diharapkan tersebar ke seluruh dunia termasuk ke Malaysia.

14. Hari demi hari pimpinan dan kerajaan BN di Malaysia sudah menunjukkan sikap yang sama dengan rejim Hosni Mubarak dan menimbulkan kebencian di kalangan rakyat. Kita percaya kebobrokan yang dilakukan BN sudah melampaui batas dan seperti di Mesir ia berlaku akibat kebangkitan seluruh rakyat yang bencikan kezaliman, rasuah, pembaziran wang negara dan ketidakadilan.

15. Pada pemerhatian kita Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak begitu fobia dengan kebangkitan rakyat Mesir dan cuba menggambarkan ianya sebagai satu bentuk kejahatan dan keganasan rakyat. Kerap kali media di bawah telunjuknya sangat gerun dengan kebangkitan rakyat di Mesir dengan memberikan justifikasi songsang terhadap kebangkitan rakyat dengan kononnya berlaku rusuhan dan ketidakamanan. Tujuannya untuk menampakkan kebangkitan itu jahat. Sebab beliau sedar apabila gelombang perubahan di Tunisia berlaku di Mesir, ianya sedang berlaku di Malaysia dengan penyertaan rakyat dalam Bersih 1,2, dan 3.

16. Kita di Malaysia hendaklah mengambil semangat dari gelombang perubahan di peringkat antarabangsa ini untuk memberikan lonjakan yang lebih jauh dan bermakna dalam perjuangan ini. PAS memiliki pendekatannya yang tersendiri sesuai dengan waqi' di Malaysia bersama Pakatan Rakyat untuk menegakkan keadilan dan memperkenalkan Negara Berkeadilan sebagai satu langkah menyatukan semua pihak yang menentang kezaliman untuk berhadapan dengan Barisan Nasional.

Para Mujahidat dan hadirin yang dimuliakan,

MUSLIMAT AGEN PERUBAHAN

17. Peranan kita ialah membawa mesej Islam secara praktikal kepada seluruh manusia, berdakwah dan berpolitik bagi menterjemahkan keadilan syariat Allah kepada seluruh alam dan manusia tanpa mengira bangsa, agama dan asal usul mereka, dengan berwawasan dunia hingga akhirat. Inilah yang dinyatakan oleh firman Allah SWT dalam ayat 107 Surah Al-Anbiya':

Dan tidaklah kami utuskan mu (wahai Muhammad) melainkan menjadi rahmat kepada seluruh alam

18. Di sepanjang perjalanan beberapa dekad dan generasi, kita adalah parti yang paling berpengalaman, kita berpengalaman menjadi pembangkang hanya dengan satu kerusi, menjadi kerajaan di peringkat negeri, menyertai kerajaan pusat dan kosong tanpa kerusi, kita pernah bersendirian, pernah menyertai kerajaan campuran dan kita juga melaksanakan *tahaluf siyasi*.

19. Tahaluf Siyasi yang diamalkan oleh PAS ini, telah menjadi sebahagian daripada Feqah Politik Islam yang wajib dipelajari oleh pimpinan PAS dan diperkenalkannya kepada masyarakat supaya mereka memahami perbezaan kerjasama PAS dalam Pakatan Rakyat, dengan kerjasama wala' antara UMNO dalam BN, yang mengorbankan prinsip dan menghilangkan jati diri Islam daripada bangsa Melayu yang beragama Islam, seterusnya menghanyutkan Islam yang sebenar.

20. Kita menjadi parti yang hidup berkembang dalam semua pengalaman tersebut. Di sepanjang masa jentera kita bergerak dan tetap istiqamah di atas landasan Islam. Kita tidak akan mengubah matlamat dan dasar perjuangan kita walau apa pun gelombang, ribut dan badai yang memukul bahtera kita, dan ternyata bahtera kita masih kukuh dan selamat hingga ke hari ini.

21. Yakinlah, bahawa kitalah kumpulan yang memenuhi ciri umat di kalangan umat yang besar, parti atau kumpulan di kalangan umat Islam yang ramai, yang dinyatakan oleh Allah dalam ayat 104 surah Ali Imran:

Dan hendaklah ada di kalangan kamu (umat Islam seluruhnya) satu golongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar, merekalah orang-orang yang mendapat kemenangan.

22. Inilah ciri kumpulan Islam, iaitu (1) berdakwah mengajak kepada kebajikan, (2) menyuruh kepada yang baik dan (3) mencegah kemungkaran. Kita melaksanakan semua tuntutan ini sehingga mencapai kemuncaknya menegakkan negara yang berkuasa memerintah, menurut kaedah ilmu Islam yang berkembang di sepanjang zaman, menerusi prinsip *maqasid syariah* dan *siyasah syar'iyah* nya.

23. PAS memilih pendekatan demokrasi kerana bertindak secara *muwajahah silmiyyah*, sama ada menang menjadi kerajaan, atau pembangkang atau melahirkan bantahan secara terbuka di mana sahaja ruang yang ada. Bagi melaksanakan pendekatan ini, maka uslub yang menarik adalah penting bagi tujuan mengembalikan umat Islam khususnya masyarakat Melayu yang digula-gulakan dengan semangat perkauman sempit dan tidak berpijak kepada dasar Islam yang sebenar.

Para peserta muktamar yang dikasihi Allah,

PENEGASAN PERANAN DEWAN MUSLIMAT DALAM PAS

24. Firman Allah dalam ayat 71 Surah At-Taubah yang bermaksud,

” Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sesetengahnya menjadi penolong bagi sesetengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebajikan, dan melarang daripada berbuat kejahatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa lagi Bijaksana”

Dalam konsep bantu-membantu dan sokong-menyokong, Muslimat PAS tidak terlepas dari melaksanakan tanggungjawab amar m'ruf nahi munkar. Sebagai salah satu sayap kepada PAS, Muslimat PAS mesti dilihat melepasi kepongkan pemencilan. Ia hendaklah dilihat sebagai tenaga penting dalam semua bidang kemasyarakatan khususnya dalam memimpin pemikiran feminisme yang menepati syariat, menaikkan martabat wanita, meletakkan hak-hak wanita kembali ke tempat asalnya serta membela masyarakat wanita yang ditindas.

25. Perjuangan suci kita amatlah jauh berbeza dengan perjuangan feminisme barat yang dilihat rencam bersaing hebat dengan kaum lelaki di segenap ruang kehidupan. Peranan Muslimat adalah sebagai pendokong dan pelengkap terhadap agenda besar ketamadunan ummah seperti yang ditunjukkan oleh isteri-isteri Baginda Rasulullah SAW dan para sahabiyah.

26. Muslimat hendaklah kembali kepada peranan asasnya sebagai pendidik pertama di dalam rumahtangga di samping tidak mengenenepikan peranan mereka sebagai pemimpin di kalangan golongan wanita dalam konteks pekerjaan dan kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Kita mestilah menjadi contoh dalam kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat, juga bertindak sebagai agen perubahan ke arah masyarakat dan negara yang berkeperibadian dan berakhlak.

27. Kemantapan aqidah muslimat sebagai penggerak dan akhlak muslimah sebagai pengukur dalam setiap pemikiran dan tindakan mereka yang menjadi indikator kepada kejelasan prinsip perjuangan yang didokong. Muslimat hendaklah sentiasa bersedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan dan sanggup menghadapi cabaran serta risiko perjuangan buah dari keikhlasan dan ilmu yang terus menerus dihayati daripada peringkat-peringkat pentarbiyahan dalam jemaah.

28. Muslimat hendaklah sentiasa mengikat jiwa dan hati nurani dengan Allah S.W.T, melalui wadah aqidah yang jelas, cinta ilmu, pantas mengutip informasi, peka dengan keperluan dan permasalahan masyarakat. Kefahaman Islam yang mantap diperteguhkan dengan menguasai ilmu secara profesional, kemahiran terkini, pengalaman pentadbiran dan pengurusan. Muslimat perlu menjalinkan jaringan ukhuwwah dengan rakan seperjuangan sebagai ikatan kekeluargaan, meninggalkan hal-hal remeh sebagai pencetus kepada perbalahan dan perseteruan, disamping menyuburkan budaya syura dalam kehidupan berorganisasi.

29. Muslimat perlu dilihat dan dibuktikan mampu untuk menangani segala isu yang berlaku dan cekap membuat keputusan demi kepentingan organisasi dalaman dan luaran serta sesama masyarakat awam. Amalkan sikap bersedia menerima perubahan dan pembaharuan yang bergerak pantas mengikut masa selagi tidak bercanggah dengan syara'. Kita menyeru muslimat dan pendokong parti untuk terus berpegang kepada semangat pengorbanan dan istiqamah dengan perjuangan yang didokongi sama ada waktu senang atau susah, menang atau pun kalah.

Sahabat-sahabat Muslimat sekalian,

TEMA UCAPTAMA

30. Muktamar ini berlangsung di ambang pilihanraya umum ke 13 yang akan diadakan pada bila-bila masa. Pilihanraya ke 13 ini akan menjadi penentu pilihan rakyat setelah setengah abad di antara barisan dan pakatan yang sangat sengit. Sudah tiba masanya kita memperkukuhkan lagi konsep dan objektif kebijakan secara menyeluruh dalam urustadbir yang kita bawa sebagai asas komitmen kita, untuk mentadbir negara masyarakat majmuk ini secara bersama dengan rakan-rakan Pakatan Rakyat.

31. Tema **MEMBANGUN NEGARA BERKEBAJIKAN** telah dijadikan tema muktamar pada tahun lepas. Ini bertepatan dengan perjuangan PAS yang berkonsepkan amal kebijakan, di mana

seluruh kegiatan kita selama ini adalah kebajikan, apabila Allah SWT memberi kemenangan dengan pertolongannya maka wajib diisi dengan kebajikan.

32. Tema ini berpaksikan kepada pegangan kita, bahawa Islam yang difahami oleh kita adalah sempurna yang merangkumi seluruh cara hidup manusia, roh dan jasad, individu, keluarga dan masyarakat, hubungan dengan Allah, diri manusia dan makhluk yang lain. Islam yang terkandung di dalamnya seluruh cara hidup manusia dalam aspek politik, ekonomi, pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya. Sebagai kesinambungan kepada agenda Negara Berkeadilan, Mukhtar Dewan Muslimat PAS pada tahun ini telah memilih tema “**MUSLIMAT PRIHATIN, KEBAJIKAN TERLAKSANA**”.

33. Perkataan ‘kebajikan’ seerti dengan kalimah “*al-birr*”, “*al-hasanah*”, “*al-khayr*”, “*al-thoyib*”. Kesemua perkataan ini boleh dijumpai dalam kebanyakan ayat Al-Quran dan Sunnah mengenai kebaikan. Sebagaimana terjemahan pada ayat Al-Quran yang dibacakan pada mukaddimah uaputama ini, mengerjakan ibadat bukanlah satu-satunya jalan untuk melakukan kebaikan. Kebaikan dan kebajikan boleh dicapai melalui hubungan baik sesama manusia.

34. Berdasarkan ayat 177 Surah Al-Baqarah yang dibacakan pada permulaan tadi, Allah menyatakan bahawa asas kebaikan ialah beriman kepada Allah dan keimanan ini membawa kepada perasaan ‘izzah, tidak tunduk kepada manusia dan tidak mengiktiraf kuasa lain selain Allah. Amal saleh yang lahir daripada keimanan yang sempurna dan menyeluruh akan mampu mendidik jiwa untuk terus terikat dengan hablun minallah dan memperbaiki hubungan kemasyarakatan yang disebut sebagai hablun min al-nas yang seterusnya menjadi asas yang kuat kepada kasih sayang, kerjasama dan perpaduan.

35. Skop kebajikan ialah sebagaimana yg dipandu dan diarahkan oleh Allah dan Rasul. Konsep kebajikan berkait rapat dengan pahala, syurga, iman dan ihsan. Intipati kebajikan ialah berbuat baik kepada orang lain, haiwan, binatang, alam sekitar di luar konteks ibadah seharian.

36. Konsep kebajikan selari dengan fitrah manusia yang mempunyai sifat belas ihsan. Kebajikan terpelihara dan terlaksana apabila setiap individu melaksanakan tanggungjawab, sekaligus memenuhi hak org lain. Apabila tanggungjawab tidak dilaksanakan, maka kebajikan tidak terpelihara malah berlaku kezaliman kerana hilangnya amanah dalam pelaksanaan tanggungjawab.

37. Kebajikan berteraskan kemanusiaan dan persaudaraan sejagat. Kebajikan yang terbaik ialah apabila dilakukan sehingga mencapai ihsan – dibuat bersungguh-sungguh, menghasilkan kecemerlangan dan dibuat penuh keikhlasan.

38. Madrasah Madinah yang dibina oleh Nabi Muhammad SAW adalah model negara berkeadilan terunggul yang menjadikan kebajikan suatu lanskap sosial yang terpandu dan diatur oleh Rasulullah SAW. Baginda menyusun peranan anggota masyarakat selari dengan martabat

kemuliaan insan sebagai hamba Allah dan peranan sebagai khalifah agar kebajikan anggota masyarakat dipelihara selari dengan syariat Islam.

39. Kualiti kebajikan yang dibuat menjadi keutamaan dan bukan kuantiti. Elemen keikhlasan merupakan unsur yang sangat penting dalam mengerjakan kebajikan. Tanpa keikhlasan, perbuatan yang dilakukan itu tiada nilainya. Allah telah menjelaskan nilai sedekah yang diungkit dalam ayat 264 surah Al-Baqarah,

Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan menyebut-nyebut dan menyakiti perasaan si penerima seperti orang yang membelanjakan hartanya kerana riak kepada manusia, dan tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat. Maka bandingan orang itu ialah batu licin yang ada tanah di atasnya, kemudian batu itu ditimpa hujan lebat, lalu ditinggalkannya bersih licin. Mereka tidak mendapat sesuatu pun dari apa yang mereka usahakan. Dan Allah tidak akan memberi petunjuk kepada kaum yang kafir.

40. Pemeliharaan kebajikan perlulah mengikut keutamaan berdasarkan maqasid syariah. Melakukan kebajikan hendaklah dimulakan dengan yang mudah dan yang mampu dilakukan. Kemudiannya dipupuk menjadi amalan yang konsisten. Kebajikan bermula dari unit paling asas : individu dan keluarga. Melakukan kebajikan adalah salah satu perkara yang perlu disemai dan diasuh dari kecil.

Para Akhawat yang dimuliakan,

KONSEP NEGARA BERKEBAJIKAN

41. Negara berkebakikan adalah model bernegara sebagaimana yang diiktibarkan daripada Al-Quran, Al-Sunnah dan sejarah kegemilangan umat Islam berpandukan ***Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur*** bermaksud negara yang sejahtera dan mendapat keampunan Tuhan yang Maha Pengampun. Satu perkara dasar yang wajar dan mesti difahami, diyakini oleh muslimat sebagai penggerak Negara Berkebakikan kerana merekalah pelaksananya.

42. Negara Berkebakikan ditakrifkan sebagai kerajaan beramanah yang berpaksikan prinsip-prinsip adil dan ihsan (*al-‘Adl wa al-Ihsan*) di dalam seluruh sistem pemerintahan, termasuklah pentadbiran, perundangan, kehakiman, politik, ekonomi, sosial dan lain-lain. Seterusnya membawa kepada pembinaan sebuah masyarakat yang berlumba-lumba melakukan kebajikan dan kerjasama di antara lelaki dan wanitanya ke arah kejayaan pemerintah dan rakyat di dunia dan akhirat.

43. Malaysia kini dilanda tujuh krisis penting iaitu Krisis Ekonomi, Kerosakan Institusi Negara, Ketegangan Masyarakat Pelbagai Kaum, Bebanan Rakyat , Hak Rakyat Dinodai, Gejala Rasuah

Berleluasa dan Krisis Pendidikan. Kesemua krisis ini adalah hasil pengasingan agama Islam daripada sistem pemerintahan Negara sebagaimana yang dilakukan semasa penjajahan British.

44. PAS bersama Pakatan Rakyat telah memperkenalkan konsep Negara Berkeadilan melalui Buku **Jingga**. Hakikatnya terdapat sebahagian daripada intipati Buku **Jingga** yang telah dilaksanakan di negeri-negeri Pakatan Rakyat, sebagai misalnya pembatalan tol, pemansuhan cukai yang membebaskan rakyat dan mempermudah sistem perkhidmatan asas yang menyentuh rukun hidup rakyat.

45. Dasar Negara Berkeadilan yang dikemukakan oleh PAS menghayati semangat kebersamaan dan permuafakatan politik Pakatan Rakyat (PR) sebagaimana yang termaktub dalam dasar bersama PR dalam **Buku Jingga** dan dipersetujui dalam Konvensyen PR yang pertama iaitu:

1. Demokrasi yang telus dan tulen untuk memperkasakan ketuanan rakyat
2. Memacu ekonomi berprestasi tinggi yang mampan untuk menjana kemakmuran dan keadilan kepada semua secara adil
3. Keadilan sosial bagi menjamin pembangunan insan secara menyeluruh
4. Hubungan persekutuan-negeri dan dasar luar Negara yang adil dan setara

46. Dasar Negara Berkeadilan turut menghayati tiga perkara pertama yang diangkat dalam **Dasar Bersama PR** iaitu:

1. Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, Islam sebagai agama bagi Persekutuan dan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Negara ini serta melindungi kedudukan istimewa Orang Melayu dan anak negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain sejajar dengan Perkara 153.
2. Mempertahankan peranan dan tanggungjawab institusi Raja Berperlembagaan
3. Memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu selari dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan memperluaskan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* tempatan dan serantau, melindungi dan memperkukuhkan penggunaan bahasa ibunda semua kaum, serta meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris serta bahasa-bahasa utama lain demi memperbaiki daya saing Malaysia di peringkat global

47. Kita telah membuktikan kemampuan memerintah lebih 20 tahun di Kelantan dengan kadar hasil yang tidak boleh difikir mampu oleh mereka yang berfahaman kebendaan. Apatah lagi kini kita tentunya lebih yakin akan kemampuan kita untuk mengurus dan mentadbir sekiranya hasil dan sumber negara tidak bocor dengan rasuah, membazir dan mewah.

48. Negeri Kelantan yang didirikan atas teras “Membangun Bersama Islam” telah menjadi contoh bagaimana keadilan rakyat dipelihara oleh kerajaan. Kerajaan Kelantan memartabatkan

kebajikan wanita, kanak-kanak dan golongan yang memerlukan melalui pelbagai cara, antaranya dengan melantik penghulu wanita dan memperkenalkan Dasar Wanita Kelantan dan Dasar Keluarga Mawaddah.

49. Selain itu, tindakan kerajaan Kelantan telah menjadi ikutan kerajaan Pusat. Pemberian cuti bersalin sebanyak 60 hari kepada wanita yang melahirkan anak dan menjadikan 5 hari seminggu hari bekerja supaya wanita mempunyai masa untuk bersama keluarga sudah diterima pakai.

50. Kerajaan Kelantan juga tidak meminggirkan kebajikan orang bukan Islam. Setiap golongan bukan Islam dilantik seorang penghulu tanpa mukim yang menjadi jurucakap mereka kepada kerajaan dan penghubung kerajaan dengan golongan mereka. Ini semua menunjukkan keprihatinan Islam kepada golongan minoriti di negeri Kelantan.

51. Negara berkebajikan yang ingin kita capai dan perjuangkan ialah bukan hanya hebat pencapaian ekonominya semata-mata, kerana kita juga tidak mahu melahirkan masyarakat yang hanya melihat pembangunan material yang bertaburan di sana-sini tetapi jiwa mereka kosong sehingga melahirkan berbagai penyakit kemanusiaan dalam masyarakat kita ini. Maksiat dan akhlak buruk akan memberikan impak negatif kepada pembangunan Negara kerana tiada rasa selamat, aman dan saling percaya mempercayai di antara satu sama lain. Tiada lagi rasa sakinah di hati dan jiwa para wanita sebagai kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat.

52. Negara yang kita mahu ialah Negara yang juga menumpukan kepada kesejahteraan rohani dan pembangunan akhlak yang dihubungkan dengan pegangan agama yang mampu untuk memandu kehidupan rakyat di bawah jagaan kita. Indeks kesejahteraan yang ingin kita capai juga perlu mengambil kira persekitaran masyarakat beragama pelbagai kaum dan fahaman yang wujud dalam negara kita ini, apatah lagi ianya mungkin berbeza dengan pentafsiran kesejahteraan di negara-negara lain. Kita inginkan kerukunan sebuah keluarga, yang mampu untuk berdepan dengan krisis moral dan akhlak yang semakin berleluasa di zaman yang serba moden ini.

53. Negara berkebajikan juga melaksanakan undang-undang yang mendidik rakyat, bukannya menakutkan rakyat dengan wajib menjatuhkan hukuman. Apa yang lebih parah lagi, BN telah menjadikan undang-undang sebagai satu cara untuk merompak harta rakyat, contohnya di atas nama saman ekor tidak berjaya mendidik tapi berjaya memiskinkan rakyat. Kesannya wanita dan keluarga akan menderita dan mengalami tekanan akibat kesempitan hidup dari semua segi.

54. Rasulullah SAW sentiasa melibatkan wanita dan lelaki dalam kedudukan dan peranan yang seimbang dalam menggerakkan agenda kebajikan masyarakat. Islam menggalakkan wujudnya masyarakat berkebajikan dengan sifat persaudaraan kemanusiaan dan kejiwaan untuk melakukan kerja kebajikan tanpa batasan gender, sehingga menerbitkan sikap baik dan berkebajikan. Rakyat akan mendahului kerajaan untuk berlumba-lumba mendapat pahala.

55. Dewan Muslimat PAS Pusat percaya kebajikan yang dilakukan akan membuahkan kebaikan dan kemakmuran kepada masyarakat. Sikap rasuah politik dan politik wang UMNO/BN telah melemah dan mematikan sifat tersebut. Keadaan ini tidak akan dapat diubah hanya dengan semangat tapi hanya akan berganjak kepada paradigma baru apabila muslimat dan para wanita tampil menjadi penggerak agenda kebajikan ini secara konsisten dan menyeluruh ke seluruh pelusuk negara.

56. Sekiranya PAS diberi kepercayaan bersama-sama PR untuk memerintah Negara, PAS berazam untuk menterjemahkan konsep Negara Berkebajikan ini dengan melaksanakan dahulu sepuluh agenda utama:

- Agenda 1: Kerajaan Beramanah, Adil dan Bersih
- Agenda 2: Masyarakat Penyayang, Aman dan Bersatu
- Agenda 3: Ekonomi Mampan, Seimbang dan Saksama
- Agenda 4: Pendidikan Berkualiti, Berdaya Saing dan Boleh-Capai
- Agenda 5: Perkhidmatan Kesihatan Cekap, Berkualiti dan Boleh Capai
- Agenda 6: Kebajikan Langsung, Menyeluruh dan Mesra Rakyat
- Agenda 7: Keluarga Harmoni, Bahagia dan Bermoral
- Agenda 8: Belia, Pekerja Produktif, Berdaya Saing dan Terbela
- Agenda 9: Kemudahan Prasarana Berkualiti, Cekap dan Bertaraf Dunia
- Agenda 10: Alam Sekitar Segar, Terpelihara dan Lestari

Saudara-saudari yang dihormati,

TAWARAN UNTUK WANITA – AGENDA WANITA MALAYSIA: WANITA BERDAYA NEGARA SEJAHTERA

57. Agenda Wanita Malaysia yang dipersetujui bersama oleh PAS, DAP dan PKR mengandungi tujuh perkara penting, iaitu,

Pertama : Dasar Pendidikan- Celik dan Cerdik

- Penerapan falsafah hormat wanita dalam agenda pendidikan Negara
- Penubuhan kolej kemahiran wanita
- Penekanan dan fokus pendidikan serta hak kanak-kanak

Kedua : Kelangsungan Kesihatan dan Hidup Berkualiti

- Membudayakan pengetahuan dan amalan kesihatan reproduktif
- Wujudkan jaringan kesihatan komuniti kawasan (JKKK) dengan hospital

Ketiga : Penglibatan Dan Peluang Ekonomi

- Penubuhan agensi hak sama rata dalam pekerjaan
- Penubuhan Pusat Mikro kredit wanita Malaysia
- Potongan cukai kepada majikan bagi pengambilan semula wanita bekerja
- Penggubalan Dasar Wanita Niaga
- Belanjawan peka gender
- Dasar pekerjaan yang peka gender

Keempat : Kesejahteraan sosial

- Konsep media mendidik dalam dasar hiburan dan pengiklanan
- Agenda keselamatan mesra wanita
- Penubuhan pusat wanita berdaya
- Kemudahan sukan dan rekreasi mesra gender
- Penubuhan agensi pembantu rumah tempatan
- Penubuhan jabatan khas pembangunan dan hal ehwal kanak-kanak
- Dana khusus NGO bagi pemberdayaan wanita
- Caruman wanita Malaysia

Kelima : Pendemokrasian Politik

- Program pendemokrasian dan pendidikan politik
- Penubuhan Institut Latihan Kepimpinan Wanita

Keenam : Pemberdayaan dan Penguatkuasaan Undang-undang

- Penggubalan Akta Gangguan Seksual
- Penubuhan Suruhanjaya Keganasan Rumahtangga dan Wanita
- Penambahbaikan dan penyeragaman Mahkamah Syariah dan Mahkamah Keluarga di Malaysia

Ketujuh : Agenda Wanita Muda

- Gerakan khas penggerak wanita muda
- Kursus perkahwinan percuma
- Penubuhan Kolej beliawanis
- Skim mikrokredit usahawan muda
- Program Keseimbangan Kerjaya
- Rumah pertama wanita

58. Agenda pakatan rakyat mengenai wanita dan institusi keluarga turut menyentuh sepuluh perkara penting, iaitu:

- i) Menggubal akta bagi memastikan golongan wanita mendapat layanan yang adil dalam semua bidang
- ii) Memberi penekanan ke arah meningkatkan Kadar Guna Tenaga bagi wanita daripada 46% kepada 60% dalam tempoh 10 tahun akan datang
- iii) Memperuntukkan 30% perwakilan wanita dalam semua lapisan kepimpinan politik dan kerajaan
- iv) Menangani segala bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak dengan hukuman yang lebih berat
- v) Memastikan keberkesanan pusat krisis di setiap hospital dan balai polis
- vi) Memastikan kewujudan sistem sokongan dan bantuan untuk ibu bekerja di pejabat kerajaan dan swasta
- vii) Memberikan bantuan dan meringankan beban keluarga ibu tunggal yang miskin dan memerlukan
- viii) Mengambil kira perspektif gender dalam merangka belanjawan dan dasar-dasar negara
- ix) Memperkenalkan program kepekaan jantina dalam kurikulum sekolah
- x) Mengiktiraf peranan suri rumah dalam pengukuhan institusi keluarga dan sumbangan mereka dalam pembangunan masyarakat dan negara

Muslimat-muslimat yang dikasihi kerana Allah,

MUSLIMAT PRIHATIN DAN NEGARA BERKEBAJIKAN

59. Keprihatinan muslimat dalam melaksanakan kebajikan adalah berteraskan konsep iman dan amal soleh yang dijanjikan Allah swt kekuasaan di dunia melalui firmanNya dalam ayat 55 surah al-Nur, maksudnya,

Allah menjanjikan orang yang beriman dan beramal salih dari kalangan kamu, bahawa Ia akan menjadikan mereka khalifah yang memegang kuasa di bumi, sebagaimana Ia menjadikan orang yang sebelum mereka; dan Ia akan menguatkan agama mereka (Islam) yang telah diredhai-Nya untuk mereka; dan Ia juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan dari ancaman musuh. Mereka terus beribadat kepada-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain dengan-Ku. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang yang derhaka.

60. Dengan berbekalkan keimanan dan keyakinan terhadap ganjaran yang pasti di sisi Allah serta janji kemenangan untuk menegakkan kebenaran menerusi kuasa yang diberikan, muslimat mempunyai peranan istimewa dalam melaksanakan amal kebajikan bagi melengkapkan peranan kaum lelaki. Bahkan peranan muslimat mengatasi peranan lelaki dalam sesetengah bidang yang

didominasi oleh kaum wanita. Ini kerana kaum wanita mempunyai beberapa keistimewaan dari sudut keprihatinan, kesediaan, kemampuan, sifat keperibadian, kejiwaan dan perasaan yang berbeza daripada kaum lelaki. Inilah kelebihan kaum wanita yang perlu digarap oleh muslimat PAS yang disuburkan dengan nilai-nilai keimanan dan keyakinan terhadap balasan dari Allah swt hasil keprihatinan mereka itu.

61. Di luar sana, kita dapati kaum wanita lebih ramai memberikan sambutan kepada kerja-kerja amal dan kebajikan di dalam masyarakat berbanding kaum lelaki. Ini kerana perasaan belas kasihan adalah fitrah dalam diri wanita lebih tinggi dari kaum lelaki. Justeru, amat perlu nilai-nilai dan prinsip Islam digabungkan dengan realiti yang boleh dipraktikkan bagi memberikan lonjakan terhadap keprihatinan muslimat sekalian dalam melaksanakan kebajikan.

62. Semasa Rasulullah SAW di Madinah, perlaksanaan kebajikan kepada masyarakat adalah gambaran keprihatinan umat Islam terhadap pentingnya sebuah sistem sosial yang ditegakkan berteraskan prinsip dan nilai kemasyarakatan Islam. Setelah dakwah Islam mengalami pelbagai kesulitan dan tekanan di Mekah, Rasulullah SAW dan para sahabat berhijrah ke Madinah yang menjadi mercu tanda tertegaknya sebuah masyarakat dan negara Islam di dunia.

63. Baginda SAW telah menunjukkan sebuah model negara berkebajikan yang lahir daripada kerangka aqidah dan akhlak yang telah dicanai di Mekah dengan sebegitu rupa sehingga terbentuknya institusi-institusi kebajikan untuk masyarakat di Madinah. Institusi-institusi ini menjadikan negara Islam Madinah sebuah negara yang istimewa dan berbeza dengan negara lain yang perlu dijadikan panduan kepada kita dalam memupuk sifat keprihatinan ini.

64. Antara institusi pertama yang ditubuhkan ialah institusi masjid, institusi pendidikan yang bukan sahaja berpusat di masjid tetapi berkembang di rumah-rumah individu sahabat dan sahabiyah dan *al-Suffah* untuk pengajian al-Qur'an, menjadi tempat perlindungan golongan muhajiran dan tempat persinggahan para musafir dan tetamu di samping menjadi tempat ahli ibadat dan penuntut ilmu sepenuh masa.

65. Satu perkara yang menarik perhatian saya dalam penelitian sirah ini, terdapat institusi *al-Suffah* yang dihuni oleh para muslimat atau menjadi tempat persinggahan dan aktiviti mereka untuk melakukan amal kebajikan yang dapat dimanfaatkan bersama di samping mendapat pendidikan khusus yang mereka minta daripada Rasulullah SAW. Sebagaimana kisah yang masyhur daripada hadith yang diriwayatkan oleh Bukhari tentang seorang sahabiyah yang bernama Asma bin Yazid al-Sakan al-Ansariyyah mewakili sahabiyah yang lain meminta agar Rasulullah SAW menyediakan hari khusus untuk mengajar mereka.

66. Daripada petikan sirah ini, saya melihat betapa pentingnya keprihatinan muslimat sekalian terhadap peranan institusi masjid dan surau agar wujud pemusatan gerak kerja kebajikan secara khusus kepada kaum wanita di samping mengikat mereka dengan agenda pentarbiyahan dan ibadah yang disediakan oleh pihak masjid dan surau. Adakah selama ini kita sudah berpuas hati dengan aktiviti yang dijalankan di masjid-masjid dan surau-suru yang wujud di penempatan

kita? Di manakah peranan kita dalam menarik jiwa golongan wanita untuk mendekati masjid dan surau untuk mendapatkan pendidikan dan pentarbiyahan di samping keprihatinan kita terhadap hal ehwal kebajikan mereka?

67. Daripada lembaran sirah juga, *al-Suffah* yang dihuni khusus oleh kaum wanita berfungsi sebagai pusat perlindungan dan pusat latihan. Para penghuni menjadikannya tempat untuk berhimpun, bermesyuarat untuk menjayakan aktiviti yang bermanfaat kepada golongan wanita. Ini berdasarkan sabda Rasulullah SAW kepada kaum wanita ketika mereka menuntut baginda mengkhususkan satu hari tertentu buat mereka:

اجتمعن في يوم كذا وكذا في مكان كذا وكذا

Berkumpullah kamu semua pada hari sekian dan di tempat sekian

68. Dikhabarkan juga menerusi sirah wujudnya rumah tamu yang diwaqafkan oleh seorang sahabiyyah yang bernama Ramlah binti al-Harith al-Ansariyyah yang dikenalpasti sebagai salah seorang yang terawal berbai'ah di dalam Bai'ah Aqabah yang kedua.

69. Selain daripada itu, terdapat juga institusi kesihatan dan penjara wanita yang dibina pada mulanya berhampiran dengan masjid yang menjadi lambang keprihatinan Rasulullah SAW dan para sahabat termasuk kaum wanita yang menjadi tawanan perang. Munculnya nama Rufaidah binti Ka'ab al-Aslamiyyah sebagai jururawat pertama yang merintis penubuhan hospital pertama dalam Islam.

70. Di samping peranan institusi kebajikan yang pelbagai ini, terdapat pula aktiviti permainan dan hiburan yang mendapat bimbingan daripada Rasulullah saw sendiri dengan sabda:

الها والعوا فإنني أكره أن أرى في دينكم غلظة

Bermain dan berhiburlah. Aku tidak suka melihat agama kamu kasar dan keras.

(Riwayat al-Baihaqy:)

71. Terdapat juga beberapa permainan yang serius seperti memanah, berenang, bermain lembing, lumba lari, gusti, bermain bola atau tongkat dan menonggang kuda di kalangan para sahabat. Pertandingan yang menggunakan fikiran seperti mendeklamasikan syair, bernasyid, dan sebagainya sempena majlis dan hari perayaan tertentu. Semuanya ini menunjukkan terdapat juga masa untuk berehat di dalam Islam agar pembentukan insan itu seimbang dan memenuhi keperluan rohani, emosi, mental dan fizikal melalui manhaj rabbani ini.

72. Saya melihat hal ini sebagai satu bentuk amal badan kebajikan wanita yang patut didalami oleh para muslimat sekalian agar menyedari bahawa amalan kebajikan yang kita lakukan mempunyai sandaran yang jelas dari sunnah dan athar para sahabiyyah pada awal Islam untuk tujuan dakwah.

73. Para muslimat memainkan peranan penting dalam memberikan sumbangan melalui aktiviti yang dilakukan menerusi pelbagai institusi yang bercirikan keaslian dan kreativiti bertitik tolak daripada prinsip dan nilai Islam ketika melaksanakan kewajipan memakmurkan bumi berdasarkan petunjuk nubuwwah.

74. Penglibatan kaum wanita dalam aktiviti kebajikan menjadi petanda kesempurnaan manhaj Islam sebagai ad-din. Mereka bertindak sebagai satu komponen penting dalam sistem masyarakat dan negara Islam. Malah inilah tujuan kita berada di persada politik negara secara sihat dan penuh berani. Kita hendaklah menyertai anggota masyarakat lain dalam memperkayakan sudut-sudut amali untuk menjayakan kemenangan yang dicita-citakan menurut acuan rabbani.

75. Saya percaya berbekalkan keimanan dan keilmuan yang diperolehi dari sistem pentarbiyyahan PAS, para muslimah sekalian mampu meningkatkan lagi keprihatinan dalam menjayakan aspek kebajikan khususnya kepada golongan wanita dan keluarga mereka menerusi:-

1. Menubuhkan dan mengaktifkan institusi kemasyarakatan yang berpusat kepada aktiviti keilmuan bermula dengan usrah, halaqah, liqa fikri, wacana dan kelas pengajian al-Qur'an dan keilmuan. Pengalaman para muslimat berusrah, bertamrin dan pelbagai agenda pentarbiyyahan yang disediakan oleh lajnah Tarbiyyah di semua peringkat sepanjang menjadi pendokong gerakan Islam PAS ini sudah pasti sangat bernilai untuk dikongsikan dengan golongan wanita yang semakin ramai mendatangi PAS. PAS kini semakin dihormati dengan kemunculan golongan ulama dan ilmuwan dalam pelbagai bidang yang perlu dimanfaatkan kepakaran mereka untuk meningkatkan lagi budaya keilmuan di kalangan muslimat secara berkualiti. Golongan 'Alimat dan Ilmuan di kalangan muslimat juga semakin terserlah di dalam PAS berganding bahu menjayakan dasar parti menerusi keprihatinan mereka sebagai naqibat, mu'allimat, da'iyat dalam program-program keilmuan di samping kursus-kursus pengurusan organisasi dan pemerkasaan parti oleh golongan ilmuwan. Masjid, surau dan rumah ahli hendaklah menjadi tumpuan aktiviti keilmuan dan kebajikan kita bersama masyarakat agar menjadi satu identiti kita golongan yang mendokong gerakan Islam sesuai dengan firman Allah swt dalam ayat 18 surah At-Taubah yang bermaksud,

Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan solat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apapun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk

2. Aktiviti keilmuan juga hendaklah disulami dengan aktiviti prihatin ahli dan anggota masyarakat secara kreatif menerusi kerjasama Lajnah Kebajikan dan Lajnah Ekonomi seperti kemahiran mengurus rumahtangga, bimbingan menjana kewangan dan aktiviti ekonomi, aktiviti menguji minda dan bakat, pertandingan ibu dan anak, wacana

celik politik dan sebagainya yang selaras dengan tabiat dan fitrah serta peranan muslimah. Pada hari ini, PAS berbangga memiliki keahlian daripada pelbagai latarbelakang pendidikan dan pekerjaan termasuk juga muslimat. Mereka menjadi aset jemaah yang sangat bernilai dan perlu digembeling semaksima mungkin untuk memberi lonjakan dalam aspek kebajikan kepada golongan wanita di luar dan masyarakat yang semakin berminat kepada PAS.

3. Institusi kebajikan yang juga perlu diberi perhatian ialah aktiviti menjana kewangan dan pekerjaan yang sesuai dengan golongan wanita yang tidak memiliki sumber pendapatan tetap atau membantu menampung pendapatan keluarga dan juga jemaah, memberikan pembiayaan kepada mereka menerusi infaq, waqaf, pelaburan saham atau jualan barangan kraf tangan dan perindustrian kecil-kecilan. Galakan berinfaq yang ditekankan dalam usrah menerusi amalan takaful mampu melahirkan golongan muslimah yang memiliki pendapatan yang lebih atau aset yang banyak seterusnya memiliki keprihatinan yang tinggi untuk terlibat dalam aktiviti kebajikan yang menjana pekerjaan dan mewujudkan sistem sokongan kewangan kepada golongan wanita yang kurang bernasib baik. Abu Sa'id al-Khudry meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda:

تصدقوا...تصدقوا...تصدقوا.. وكان أكثر من تصدق النساء

Bersedekahlah..bersedekahlah..bersedekahlah..Yang paling ramai bersedekah ialah kaum wanita (Hadith Riwayat Muslim, al-Sahih, Kitab Idaiyn, J III, hlm 20).

76. Antara bantuan kebajikan yang boleh dilakukan oleh muslimah ialah mencari hasil waqaf untuk menjayakan lagi aktiviti kebajikan. Sistem waqaf mempunyai kesan yang amat besar dalam masyarakat Islam dan menyerlahkan lagi keistimewaan sebuah pemerintahan Islam. Sistem ini memberi peluang seluas-luasnya kepada kepelbagaian aktiviti kebajikan secara yang lebih positif dalam masyarakat.

77. Antaranya dengan hasil waqaf bangunan dan tanah dapat didirikan insutusi yang memberi manfaat umum seperti sekolah, universiti, rumah anak yatim, rumah warga emas, pusat perlindungan remaja, pusat pemulihan aqidah, pusat khidmat haiwan dan sebagainya. Saiyidatina Hafsah r.a. telah diwasiatkan oleh Saidina Umar agar menjadi penjaga harta waqaf yang memberikan penghormatan kepada golongan muslimah dan menunjukkan keutamaan beliau sebagai wanita pertama menjadi penyelia dan pengurus harta waqaf.

78. Mata air Zubaidah yang sehingga kini menjadi penghilang dahaga para hujjaj di Madinah adalah hasil keprihatinan Siti Zubaidah isteri Khalifah Harun al-Rasyid terhadap keperluan rakyatnya. Begitu juga kecemerlangan al-Azhar sebagai universiti Islam sejak lebih 1000 tahun

yang menawarkan pendidikan percuma kepada umat Islam di seluruh dunia adalah sebahagian besarnya hasil pembiayaan dari harta waqaf golongan muslimah.

79. Dari penelitian ringkas ini, kita mampu untuk meningkatkan lagi keprihatinan kita dalam hal-hal kebajikan yang semakin mendesak tanpa merosakkan nilai dan etika yang ditetapkan syarak di saat-saat UMNO/BN memanipulasi aspek kebajikan dengan menyalahgunakan harta negara dan hak rakyat untuk meraih undi dan rasuah wang menjelang pilihanraya. Bahkan ia dapat disuburkan lagi menerusi pelbagai usaha dalam ruang lingkup yang seimbang dan difahami sebaiknya oleh para muslimah sekalian.

80. Dalam masa yang sama sentiasa memberi komitmen terhadap amal ibadah yang lain. Dengan ini, kita dapat memahami dan merealisasikan ketika Islam berusaha menyediakan seorang individu dan pemimpin yang soleh dan solehah, ia tidak meninggalkan manusia lain dalam kebingungan dan kemelatan. Kita juga dapat menghayati manhaj Islam yang bermatlamatkan pengabdian hanya kepada Allah SWT, dalam kerangka ibadah yang luas skopnya mencakupi ibadah khusus dan umum. Di samping itu, kita dapat menjaga agar aktiviti yang dilakukan hanya untuk mendatangkan redha Allah SWT dan menjauhi kemurkaanNya.

81. Prihatin dalam melaksanakan kebajikan boleh menjadikan kita seorang yang bertaqwa yang menyembah Allah dan mendapat petunjukNya dan dalam masa yang sama, dapat memimpin ummah secara hikmah dan penuh kesabaran kepada keindahan Islam sebagai sebuah sistem dan dasar perjuangan.

82. Di luar sana, kita hendaklah menyedari munculnya institusi kebajikan khususnya yang dipelopori oleh kaum wanita yang menyangka mereka pelopor kepada agenda kebajikan ummah. Namun, mereka yang mendokong pemikiran yang tidak berpaksikan kepada manhaj rabbani mengikut segala pemikiran dan perilaku yang diimport dari Barat sejengkal demi sejengkal, sehasta demi sehasta sehingga akhirnya mereka melampaui batasan hukum Allah.

83. Mereka mula menuntut untuk mengubah syariat Allah yang berhubung wanita dan menghina sumber turath. Bahkan ada masanya mereka bertindak lebih berani sehingga melanggar tabiat semula jadi dan sifat kemanusiaan sebagai seorang wanita. Mereka menuntut kebebasan bersuara, bergaul dan berkahwin sesama jantina. Ini bukanlah keprihatinan dalam hal-hal kewanitaan yang kita cari dan perjuangkan. Keprihatinan muslimat perlulah berlandaskan Al-Quran dan Sunnah.

84. Keprihatinan juga lahir drp rukun usrah, iaitu taaruf, tafahum dan takaful. Penterjemahan rukun ini dalam kehidupan kita sehari-hari akan membolehkan agenda kebajikan menjadi satu amalan dan bukan program bermusim menjelang pilihanraya semata-mata. Agenda kebajikan hendaklah kita mulakan dari dalam keluarga kita, kejiranan kita dan komuniti setempat kita. Amalan ziarah menziarahi hendaklah dijadikan aktiviti rutin kita dalam usaha mempelbagaikan pendekatan dakwah yang kita dokong ini. Muslimat perlu membina jaringan maklumat setempat

supaya masalah golongan yang kurang bernasib baik cepat sampai ke pengetahuan pihak berkuasa.

85. Contoh inisiatif yang boleh diambil hasil penerapan taaruf, tafahum dan takaful ialah membantu mengatasi masalah kekurangan pembantu rumah. Ini merupakan dilema utama yang dihadapi oleh ibu-ibu sekarang. Kos mengambil pembantu rumah mahal manakala untuk menghantar anak ke nurseri juga memakan kos yang tinggi. Apatah lagi dengan beberapa kes yang dilaporkan tentang kecuaiannya penjaga di nurseri, ini sudah cukup menimbulkan kebimbangan dalam hati ibu-ibu yang bekerja. Muslimat di peringkat cawangan dan kawasan boleh menyediakan satu aktiviti santai bersama pembantu-pembantu rumah dan pekerja nurseri dengan kerjasama majikan mereka untuk membincangkan soal-soal berbangkit hal kebajikan kedua-dua pihak.

86. Muslimat di cawangan dan kawasan boleh mengambil inisiatif menubuhkan nurseri yang berdaftar atau membantu mengasuh anak-anak semasa ibu mereka bekerja. Jika kita sudah ada institusi PASTI yang merupakan pusat pendidikan awal kanak-kanak, tidak mustahil PAS mempunyai pusat asuhan kanak-kanak atau nurseri yang mengenakan kadar perkhidmatan yang berpatutan dan selari kehendak syariah dan mematuhi undang-undang.

87. Dalam keadaan Malaysia sedang menghadapi musim tengkujuh, saya menyeru dan mengajak para muslimat mujahidat sekalian merancang dan menggerakkan jentera akar umbi dan membuat persediaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di seluruh negara. Begitu juga menjelang sesi persekolahan 2013 kelak, kita perlu cakna kepada keperluan asas untuk membantu keluarga yang berpendapatan rendah agar mereka turut menikmati hak pendidikan yang adil sebagaimana golongan yang berkeupayaan.

88. Di peringkat antarabangsa pula, kita juga telah terlibat dengan usaha-usaha kebajikan membantu saudara kita yang ditindas atau negara umat Islam yang berada dalam kancah perang seperti di Palestin, Rohingya, Syria, Iraq dan Negara-negara Afrika bersama dengan sayap PAS yang lain dan NGO yang bekerjasama dengan kita. Kita hendaklah menanamkan kesedaran 'celik' politik antarabangsa di kalangan masyarakat khususnya golongan wanita agar dapat menginsafi dan mensyukuri ni'mat yang melimpah ruah dalam kehidupan kita di negara Malaysia ini. Hasil kesedaran ini akan menarik penyertaan muslimat dalam amal-amal kebajikan yang kita pimpin seterusnya menjalinkan hubungan dalam kerangka melepasi batasan perbezaan pemikiran, budaya dan agama.

Para peserta muktamar sekalian,

PEMBINAAN SYAKHSIYAH MUSLIMAT KE ARAH MEMENANGI PILIHANRAYA UMUM KE 13

89. Muslimat mesti mewarisi akhlak Rasulullah S.A.W sebagai pemikat untuk memenangi hati pengundi dalam semua bentuk pendekatan yang dilaksanakan. Firman Allah dalam ayat 159 surah Ali Imran,

Maka dengan sebab rahmat dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka dan pohonlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

90. Muslimat PAS yang memiliki akhlak Islam sayugianya tidak melakukan perkara yang tidak layak bagi seorang pejuang terutama dalam usaha untuk memenangi hati pengundi. Antaranya, bercakap dan bertindak kasar serta kesat, mencipta sengketa dan meramaikan musuh, menghina dan mendedahkan keaiban peribadi orang, sempit dada dan tidak mendengar pandangan orang lain, mendedah dan menerima maklumat tanpa fakta serta melampau dan keterlaluan dalam tindakan.

91. Islam mengajar prinsip akhlak dalam perjuangan sekalipun dalam medan peperangan. Antaranya dalam ayat 190, surah Al-Baqarah :

Dan berjuanglah di jalan Allah (kerana menegak dan mempertahankan agama Allah), memerangi orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu melampau (dengan memulakan peperangan); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau.

Prinsip tersebut ialah pertama, berjuang mestilah di atas landasan *fi sabiliLlah*; kedua, hanya menentang mereka yang menentang kita dan ketiga, jangan melampaui batas dalam tindakan.

92. Keprihatinan juga lahir daripada perasaan kasih sayang. Orang yang menyedari dan merasai kasih sayang Allah akan menyebarkan kasih sayang dan menterjemahkannya dalam bentuk keprihatinan. Oleh itu, untuk menjadi orang yang prihatin, seseorang perlukan ilmu dan maklumat. Kita perlu mempunyai ilmu yang membentuk akidah yang mantap yang menyedari bahawa kasih sayang Allah melimpahi semua hamba-Nya. Kita perlu membina kemahiran komunikasi yang berkesan untuk menyampaikan dakwah Islam dan menjaga kebajikan. Perasaan prihatin ialah perasaan yang perlu dipupuk dan tidak lahir sekelip mata.

93. Marilah kita bermujahadah dan berhijrah menjadi muslimat yang lebih prihatin. Prihatin terhadap kebajikan ahli keluarga, saudara-mara, sahabat handai dan jiran tetangga. Muslimat yang prihatin ialah muslimat yang memberi tanpa syarat. Muslimat yang prihatin ialah muslimat yang memberi dengan ikhlas. Muslimat yang prihatin ialah muslimat yang proaktif dan bukan reaktif.

94. Muslimat perlu memainkan peranan yang efektif dan efisien dalam merealisasikan agenda Negara Berkeadilan PAS dan agenda kebajikan Pakatan Rakyat. Keprihatinan terhadap kebajikan orang lain perlulah tidak mengambil kira agama, bangsa dan darjat.

Para hadirin yang dihormati,

PERANAN DEWAN MUSLIMAT MERAPATKAN HUBUNGAN DENGAN WANITA DHPP

95. Komitmen PAS untuk menegakkan keadilan adalah satu agenda utama yang tidak pernah padam dalam prinsip perjuangan PAS sejak dari awal penubuhannya lagi. Hanya dengan meletakkan prinsip keadilan yang dibawa oleh Islam dalam segala sudut kehidupan maka segala permasalahan yang timbul di dunia ini akan dapat diselesaikan.

96. Kita percaya akan ada wakil DHPP yang dipilih untuk bertanding pada PRU 13 sebagaimana dalam PRU ke-12. Ini menunjukkan penghargaan kepada orang-orang bukan Islam yang telah menaruh harapan dan keyakinan yang tinggi kepada PAS bagi membawa keadilan untuk seluruh rakyat di Malaysia, hal ini kerana orang bukan Islam kini jelas bahawa Islam yang diperjuangkan oleh PAS adalah satu perjuangan yang mulia, bersih, adil lagi berakhlak .

97. PAS kini bersama rakan dalam Pakatan Rakyat sudah bersedia bagi menggantikan UMNO Barisan Nasional yang masih lagi mengekalkan ketidakadilan dalam segala sudut perjuangannya sama ada dalam bidang sosial, politik, pemerintahan, ekonomi dan sebagainya. Justeru itu, PAS kini dilihat sebagai Parti yang terbaik untuk menggantikan UMNO yang hampir 53 tahun memerintah negara, namun sehingga kini UMNO masih tidak dapat membawa prinsip keadilan kepada orang Melayu dan bukan Melayu dalam agenda perjuangan mereka.

98. Kita yakin bahawa PAS mampu memimpin rakyat dalam membentuk gelombang perubahan dan kemakmuran yang telah ditawarkan oleh Islam sejak sekian lama bagi merealisasikan sebuah masyarakat yang adil dan harmoni bagi mendapat rahmat dari Allah swt. Oleh itu marilah kita perkukuhkan hubungan dengan rakan-rakan kita dalam pakatan rakyat dan jadikan Dewan Himpunan Penyokong PAS khususnya wanita DHPP sebagai sebuah entiti penting yang perlu kita berganding bahu untuk memperkenalkan Islam kepada golongan Non Muslim di Malaysia.

Muslimat yang dirahmati Allah,

PERANAN DEWAN MUSLIMAT MERAPATKAN HUBUNGAN DENGAN WANITA PAKATAN RAKYAT

99. Begitu juga kita mempunyai ikatan ukhwwah yang kukuh dengan rakan wanita kita dalam Pakatan Rakyat yang telah berjaya mengadakan Himpunan Sulung dan Ulung Wanita Pakatan

Rakyat di Shah Alam pada 13 September 2012. Dalam perhimpunan ini, Agenda Wanita Pakatan Rakyat telah berjaya dilancarkan untuk wanita seluruh negara yang bertemakan ‘Wanita Berdaya Negara Sejahtera’. Ia telah dihadiri oleh hampir 2000 orang pimpinan wanita Pakatan Rakyat.

100. Agenda kita ialah untuk memerdekakan kaum wanita dari terus bergantung sepenuhnya kepada pemberian, subsidi, kebajikan, BR1M dan kemudahan kecil sebagaimana yang dianjurkan oleh UMNO Barisan Nasional. Sekarang dasar UMNO BN yang mula mengagih sedikit bantuan tunai dan jangka pendek terutama bagi penduduk desa, terutama Sabah dan Sarawak sekadar melepaskan batuk ditangga namun kekal dengan konsep menolong namun jangan sampai merdekakan kebergantungan mereka pada BN. Kita optimis jalinan kerjasama tiga gabungan parti, bakal membuahkan hasil jitu dalam perjuangan membebaskan kemelut kemiskinan dan ketidakmampuan kaum wanita.

Sidang muktamar yang dirahmati Allah,

MEMASYARAKATKAN AGENDA ISLAM UNTUK SEMUA

101. Penghijrahan diri selebriti dari kalangan artis lelaki dan wanita untuk kembali kepada ajaran Islam secara lebih menyeluruh bagaikan satu fenomena mutaakhir ini. Mereka menghadiri program-program PAS dan ada juga yang memilih untuk menjadi ahli parti Ironinya, kemunculan mereka di pentas-pentas PAS membawa satu mesej yang begitu penting kepada masyarakat.

102. Penerimaan mereka terhadap PAS ini menjadikan parti Islam berjaya mengubah pandangan masyarakat kononnya PAS hanya sebuah parti yang sesuai untuk golongan agama, atau parti yang menolak hiburan. Malah, penglibatan selebriti ini juga selaras dengan slogan 'PAS For All', yang tidak mengira latar belakang. Jika dahulu, amat sedikit anak muda yang berminat dengan PAS.

103. Namun kini, suasana berubah. Artis dan kakitangan kerajaan juga tidak lagi takut untuk menyatakan sokongan mereka terhadap PAS. Persoalannya, sejauhmanakah penglibatan mereka ini memberi impak kepada Pakatan Rakyat, khususnya PAS? Lebih-lebih lagi di saat menjelang pilihan raya umum ke-13 akan datang.

104. Berdasarkan perbualan dengan beberapa responden, kebanyakan mereka menyambut baik penyertaan selebriti-selebriti menyertai PAS. Selain mampu mengubah persepsi rakyat yang sebelum ini takut menyertai PAS, ia juga dikatakan mampu menarik lebih ramai anak muda mendekati PAS.

105. Saya menyeru para muslimat sekalian agar menyedari fenomena ini dalam lanskap gerakerja muslimat yang lebih terbuka dan kreatif. Kehadiran selebriti wanita bersama kita adalah satu kekuatan yang perlu kita manfaatkan bersama dalam menyebarkan konsep Islam

sebagai ad-din kepada semua golongan wanita khususnya golongan remaja yang sering menjadikan selebriti sebagai idola mereka.

106. Saya mengalu-alukan kebersamaan selebriti wanita yang telah mengorak langkah untuk bersama dalam saf perjuangan muslimat untuk saling faham memahami dasar perjuangan dan bentuk gerakerja yang kita dokong selama ini. Para muslimat juga hendaklah menerima fenomena ini sebagai satu cabaran yang perlu disambut dengan lebih berdaya maju dalam keperlaksanaan pendekatan tanpa memutuskan tali ikatan akhlak yang menjadi penghias golongan muslimah.

Para hadirin dan hadirat sekalian,

PILIHANRAYA UMUM KE-13

107. Sekarang ini kita berdepan dengan hiruk-pikuk paluan gendang menandakan pilihan raya umum ke 13 semakin hari semakin hampir. Walau bila pun tarikhnya, saya dengan ini mengarahkan seluruh jentera Dewan Muslimat PAS untuk bersiap sedia sebaik sahaja muktamar kita selesai untuk menghadapi pilihan raya umum.

108. Dalam masa yang sama, semua aktiviti Muslimat PAS Kawasan hendaklah sekurang-kurangnya melaksanakan 70% tumpuan program ke arah mendekati pengundi yang masih menunggu PAS bertemu dengan mereka dan golongan atas pagar yang masih belum membuat keputusan dalam pilihan raya yang akan datang nanti.

109. Peranan muslimat di peringkat UPU pula wajar mengalami perubahan drastik kerana merekalah yang setiap hari berada paling hampir dengan pengundi di unit yang paling kecil dalam sistem pilihan raya kita ini. Mereka wajar mengenali kesemua pengundi di lingkungan mereka seumpama mereka mengenali saudara-mara mereka sendiri.

110. Kesemua jentera Muslimat ini perlulah mendekati dan mengajak pengundi dengan penuh kesabaran untuk menyokong kita dengan bahasa yang penuh kemesraan dan hikmah. Santunilah pengundi yang ada di hadapan kita secara peribadi supaya akhirnya mesej kita kepada mereka dapat disampaikan dan diterima oleh semua. Ceramah bukanlah satu-satunya cari untuk mendekati pengundi.

111. Muslimat perlu lebih celik IT dan menggunakan segala media dan forum yang ada untuk menarik orang ramai kepada Islam dan mendedahkan kepincangan demi kepincangan yang berlaku dalam pentadbiran Negara. Wanita Malaysia perlu dicelikkan dan disedarkan daripada kesselesaian yang bersifat fatamorgana.

112. Memastikan jentera pilihanraya muslimat telah dilengkapi dengan struktur yang menepati keperluan organisasi dan gerak kerjanya serta memiliki keupayaan asas gerak kerja pilihanraya terkini seperti :

1. Daftar pengundi wanita dan semakan pendaftarannya.
2. Jejak pengundi wanita dan khidmat untuk mereka.
3. Salur maklumat kepada pengundi muslimat sama ada yang tua dan muda
4. Mengatur program dan mencipta suasana yang berkesan.
5. Mengumpul dana secukupnya untuk kelancaran gerak kerja.

113. Jentera pilihanraya Muslimat PAS mestilah cekal, tabah dan bijak menangani apa jua situasi getir yang tidak dijangka, seterusnya mampu membuat keputusan cepat dan tepat di saat keadaan memerlukan. Akhirnya, muslimat PAS mesti yakin bahawa kemenangan dalam pilihanraya adalah tertakluk sepenuhnya kepada ketentuan Allah Taala. Setelah kita berusaha segalanya, bertawakkallah kepada Allah, mintalah pertolongan dengan solat dan munajat yang selayaknya menjadi senjata utama skuad muslimat PAS turun ke medan.

Sahabat-sahabat seperjuangan yang dirahmati Allah,

RUMUSAN UNTUK TINDAKAN BERSAMA

Berlatarbelakangkan seluruh perkembangan politik tanah air dalam kita berdepan dengan cabaran pilihanraya umum ke 13 yang akan tiba nanti, maka faktor kejayaan berikut adalah amat penting untuk dihayati dan dilaksanakan segera oleh semua peringkat pimpinan, aktivis dan pendokong parti. Maka izinkan saya untuk membuat seruan berikut:

(i) Marilah kita sama-sama memahami tujuan perjuangan dan beristiqamah bersama PAS, memperkasakan organisasi, kerana PAS akan tetap dengan matlamat perjuangan yang digariskan dalam perlembagaannya, kerana itulah tuntutan tujuan ibadah, amanah dan khilafah yang menjadi tujuan kehidupan kita sebagai hamba Allah SWT.

(ii) Marilah kita memahami maksud tema ucapnama “Muslimat Prihatin, Kebajikan Terlaksana”, kerana ianya akan menjadi kunci kepada tindakan kita sepanjang tahun ini. Agenda besar kita yang telah dibentangkan dalam ucapnama ini perlu dibincang dan disusuli oleh perancangan dan tindakan dalam bentuk gerak kerja supaya tema ini mampu menjadi pemangkin dalam kita melakukan agenda perubahan yang kita rancangkan.

(iii) Marilah kita memperkukuhkan keimanan yang menjadi prasyarat amal kebajikan yang kita lakukan diterima sebagai amal soleh melalui agenda tarbiyah jemaah secara berterusan dan komited, merapatkan saf dengan ikatan “*Ukhuwwah filLah*” di kalangan pendokong dan ahli

jamaah dalam memenuhi tuntutan Allah SWT. Inilah prasyarat kemenangan sekali gus mempersiapkan dan mempertingkatkan keupayaan dan kelancaran seluruh jentera pilihanraya parti di semua peringkat.

(iv) Marilah kita memahami tuntutan ” *Tahaaluf Siyasi* ” sebagai pendekatan pemuafakatan politik yang paling bijak dan wajar di kalangan parti-parti komponen Pakatan Rakyat sekaligus memenuhi tuntutan melancarkan gandingan jentera pilihanraya bersama Pakatan Rakyat di semua peringkat pusat, negeri, kawasan dan cawangan, bagi mendepani cabaran menumbangkan kerajaan UMNO/BN.

(v) Marilah kita memperluaskan muafakat melaksanakan perubahan dalam negara kita ini, bersama-sama dengan seluruh badan-badan NGO dari pelbagai latarbelakang aktiviti, serta seluruh rakyat yang prihatin supaya negara dapat dibebaskan dari amalan buruk dan demokrasi berat sebelah yang diamalkan sekarang ini.

(vi) Marilah kita mantapkan jentera penerangan parti bagi mengungguli penerangan kerana sesungguhnya Islam yang diperjuangkan PAS adalah membawa mesej “Rahmat Untuk Sekalian Alam”. Jentera penerangan kita juga perlulah menyebar-luaskan agenda perubahan seperti yang termaktub dalam “Dasar Bersama”, “Buku Jingga”, dan yang telah disebut dalam ucapan dasar ini.

(vii) Muslimat PAS mestilah komited menjadi rakan gandingan dengan setiap lapisan masyarakat khususnya kaum wanita. Muslimat PAS hendaklah memahami kehendak dan suara hati kaum wanita mampu turut bersama mendokong aspirasi dan memperjuangkan idealisme mereka selama mana tidak bertentangan dengan Islam sebagai dasar perjuangan kita. Muslimat PAS mesti berani memimpin dalam kepelbagaian pemikiran dan sikap wanita dalam Pakatan Rakyat atas kepercayaan yang sama untuk menegakkan keadilan dan meruntuhkan kezaliman demi kebaikan masa depan negara yang kita cintai ini. .

(viii) Muslimat PAS perlu menyediakan banyak ruang untuk kaum wanita bermesra dan berasimilasi sama ada melalui aktiviti-aktiviti kebajikan dan kewanitaan dalam struktur formal atau tidak formal

PENUTUP

Akhirnya, pada kesempatan ini saya bagi pihak kepimpinan Dewan Muslimat PAS Pusat ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Panitia Induk Mukhtar, Dewan Muslimat PAS Negeri Kelantan sebagai tuan rumah, penyumbang dan semua petugas yang terlibat, serta semua pihak yang menjayakan Mukhtar Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat ke-58 ini.